

# KUMPULAN SAJAK *SUNGAI, LAUT DAN KITA* KARYA MORSIDI M.H.: CERITA PENYAIR TENTANG KEHIDUPAN

*(A Collection of Poems Sungai, Laut dan Kita by Morsidi M.H.:  
The Story about Life)*

Maslin Haji Jukim  
maslin.jukim@gmail.com

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Brunei Darussalam.

To cite this article (*Rujukan artikel ini*): Maslin Haji Jukim. (2022).  
Kumpulan sajak sungai, laut, kita karya Morsidi M.H.: Cerita penyair  
tentang kehidupan. *Malay Literature*, 35(1), 127–154 [http://doi.org/10.37052/ml35\(1\)no7](http://doi.org/10.37052/ml35(1)no7)

Received: Peroleh:	17/5/2022	Revised: Semakan	30/5/2022	Accepted: Terima:	2/6/2022	Published online: Terbit dalam talian:	5/6/2022
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	----------	---	----------

## Abstrak

Sajak menjadi pilihan popular dalam kalangan penulis Brunei. Natijahnya, ramai penulis tanah air yang menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) datangnya daripada genre sajak. Paling mutakhir, pada tahun 2021 Morsidi M.H diangkat sebagai penerima anugerah tersebut dengan hasil karya *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* yang diterbitkan pada tahun 2021. Buku ini mengandungi 57 buah sajak dan dibahagikan kepada empat tema, iaitu Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup (20 buah sajak), Tanah Air (7 buah sajak), Alam dan Makna Hidup (12 buah sajak), Introspeksi dan Hakikat Hidup (18 buah sajak). Sesuai dengan kandungan dan judul, kumpulan sajak ini mengemukakan tentang kehidupan yang seiring dengan masa yang sentiasa bergerak ke depan. Hal ini menggarap imaginasi, kebijaksanaan dan emosi penyair untuk menghasilkan sajak. Tema Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup saling berhubung kait antara satu sama lain. Hal ini menarik perhatian untuk dijadikan penelitian dengan objektif untuk mentafsir dan menghuraikan peristiwa yang dilalui penyair tentang kehidupan sepanjang edaran masa yang

terakam dalam bentuk bait-bait karangan sajaknya. Membaca secara rinci teks sajak dalam bahagian Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup tidak memadai, oleh sebab itu digandingkan dengan pendekatan ekspresif untuk lebih berkesan dan mencapai objektif penelitian ini. Dapatan hasil kajian, sajak-sajak ini berkongsi tentang erti kehidupan, iaitu sebuah perjalanan kehidupan yang bukanlah mudah untuk dilalui, terutamanya apabila berhadapan dengan pelbagai sifat manusia. Perjalanan kehidupan ini dilalui seiring dengan peredaran masa dan disadari akhirnya tidak ada jalan yang paling terbaik meniti perjalanan kehidupan ini kecuali dengan keimanan dan pedoman ajaran Islam.

**Kata Kunci:** sajak, kehidupan dunia, pendekatan ekspresif, kecekalan, keimanan, masa

#### ***Abstract***

*Poetry has become a popular choice among Bruneian writers. As a result, many of those who received the Southeast Asian Writers' Awards came from the genre of poetry. Most recently, in 2021, Morsidi M.H was announced as the recipient of the award for his book, Kumpulan Sajak Sungai, Laut and Kita, which was published in 2021. This book contains 57 poems and is divided into four themes, namely Pulse and the Journey of Life (20 poems), Homeland (7 poems), Nature and the Meaning of Life (12 poems), and Introspection and the Reality of Life (18 poems). In accordance with the contents and title, this collection of poetry presents life in line with time that is always moving forward. It works on the poet's imagination, wisdom, and emotions to produce the poems. In the Pulse and Journey of Life section alone, there is a connection between one poem and another. This attracts attention to be used as research with the objective to study and interpret all the events that the poet went through during the passage of time recorded in the form of verses of his poems. A close reading of the poems in the Pulse and Journey of Life section is not enough. Therefore, it is coupled with an expressive approach to achieve the objective of this study more effectively. The findings of this research showed that these poems share the meaning of life, which is a journey that is not considered too easy to go through, especially when confronted with many faces of human nature. This journey of life is passed along with the passage of time, and it is finally realized that there is no best way to follow this journey of life except with faith and the guidance of Islamic teachings.*

*Keywords:* poetry, worldly life, expressive approach, perseverance, faith, time

## PENGENALAN

Umumnya, sajak tercipta dalam bentuk bahasa yang minimal. Bahasa yang minimal dalam erti kata padat, dan berkias mewakili suatu peristiwa besar, iaitu peristiwa yang menarik perhatian penyair untuk dibicarakan dan dikongsikan, bukan dalam bentuk ilmiah atau deskriptif tetapi dengan lenggok bahasa yang puitis. Sifat puitis ini yang menambat khalayaknya sekali gus meminta suatu pengertian atau makna di sebalik susunan bait-baitnya. Sajak menjadi salah satu genre karya sastera yang disukai dalam kalangan penulis malah ada yang berjinak-jinak atau memulakan penglibatan dalam penulisan kreatif melalui sajak. Meninjau sejarah perkembangan sastera moden Brunei, kemunculan karya bentuk sajak mendahului bentuk karya yang lain umpamanya novel di sekitar tahun 1950-an sedangkan sajak diperkirakan lebih awal dalam 1930-an (Muhammad, 1980:21). Sejarah panjang perkembangan sajak di Brunei ini melahirkan ramai penyair di Brunei dan berkesinambungan sehingga ke hari ini. Dominasi penulisan sajak ini juga mengangkat beberapa orang penyair Brunei dan menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award), antaranya termasuklah Yahya M. S. (1987), Adi Kelana (1989), Shukri Zain (1991), Yura Halim (1993), A.S Isma (1996), Badaruddin H.O (1998), Adi Rumi (2000), Rahim M.S (2001), A. Hashim Hamid (2003), dan HJR (2004) dan lain-lain.<sup>1</sup> Paling mutakhir ialah Morsidi M.H. pada tahun 2021 dengan hasil karyanya *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita*. Morsidi M.H. merupakan penyair yang memiliki latar belakang pendidikan kesusasteraan Melayu, terutamanya dalam bidang teori dan kritikan sastera. Gabungan latar belakang pendidikan dan pengalaman kehidupan yang dilalui penyair menggarap penghasilan sajak-sajaknya. Oleh itu, untuk menyelami sajak-sajak Morsidi M.H ini tentang erti kehidupan, penelitian harus dilakukan menggunakan pendekatan ekspresif, iaitu dengan cara menghubungkan karya sastera dengan pengarangnya. Pendekatan ekspresif merupakan antara empat pendekatan yang disebutkan oleh Abrams (1979) dalam bukunya *The Mirror and The Lamp*.

## BAHAN DAN RUANG LINGKUP KAJIAN

*Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* merupakan sebuah himpunan sajak yang dikarang oleh Morsidi M.H. Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada tahun 2021. Sejumlah 57 buah sajak yang dibahagikan kepada empat tema:

- Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup (20 buah sajak)
- Tanah Air (7 buah sajak)
- Alam dan Makna Hidup (12 buah sajak)
- Introspeksi dan Hakikat Hidup (18 buah sajak)

Sajak-sajak yang terkumpul dalam buku ini merupakan garapan penulis terhadap perjalanan hidup yang dilalui sejak muda sehinggalah usia senja dengan mengetengahkan pelbagai aspek kehidupan baik dari segi agama, budaya, alam dan juga sastera. *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* telah dinilai dan diangkat penyair sebagai penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) pada tahun 2021.

Nama sebenar penulis Morsidi M.H ialah Dr. Haji Morsidi Bin Haji Muhamad. Dilahirkan pada tahun 1953 di Kampong Ayer, Brunei Darussalam. Latar belakang pendidikan beliau daripada sijil Perguruan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada tahun 1978 sehingga membawa pencapaian Doktor Falsafah dalam Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2002. Walaupun kepakaran Morsidi M.H. dalam bidang puisi, namun ini tidak bermakna kepakaran beliau hanya terbatas dalam bidang ini semata-mata. Beliau turut meneliti sejarah sastera, kritikan, teori, apresiasi, perbandingan termasuklah genre karya sastera lain seperti novel, drama, cerpen malah karya sastera tradisi. Selain pernah bertugas sebagai tenaga akademik di Universiti Brunei Darussalam dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, beliau aktif dalam pelbagai majlis ilmu dan sering dijemput sebagai pemakalah, pembicara, panel forum dan sebagainya, baik di dalam mahu pun di luar negara. Morsidi M.H. juga terlibat dalam berpersatuan dan pelbagai aktiviti bukan akademik. Menariknya Morsidi M.H. ini bukan hanya seorang peneliti karya sastera tetapi beliau juga seorang penulis sehingga mencapai penganugerahan Penulis Asia Tenggara. Selain nama pena Morsidi M. H., beliau juga menggunakan nama seperti Morhas, M. Sidi, Awang Ilham dan Imsidi.

Latar belakang pendidikan yang dikuasai terutama dalam bidang puisi berserta pengetahuan tentang kritikan dan teori sastera sangat membantu dalam penghasilan karya sastera Morsidi M.H. Pertembungan kedua-dua unsur tersebut memperkasa penghasilan sajak-sajak beliau. Hal ini menarik perhatian untuk diteliti lebih jauh sehingga mempengaruhi keistimewaan Morsidi M.H. sebagai penyair yang berjaya meraih penganugerahan tersebut.

Ruang lingkup penelitian dan perbincangan ini akan tertumpu hanya pada sajak-sajak dalam bahagian Denyut Nadi Dan Perjalanan Hidup yang mengandungi 20 sajak daripada 57 sajak keseluruhannya dan bahagian pertama daripada empat bahagian dalam Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita. 20 sajak dalam bahagian ini sudah cukup menarik untuk dibicarakan kerana adanya kronologi perjalanan hidup penyair. *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* dianggap sebagai sebuah autobiografi seorang penyair yang disampaikan dalam bentuk sajak. Oleh itu, bahagian pertama ini sahaja cukup panjang dan berhubung kait secara kronologi dengan ekspresi penyair tentang kehidupan yang ditempuhinya untuk dikongsikan bersama dengan khalayak.

### **OBJEKTIF PENELITIAN**

*Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* ini menarik perhatian untuk ditelaah dan bukan hanya sekadar untuk dibaca dan mudah untuk diungkap, tetapi untuk memastikan kajian ini melekat dalam jiwa dan dapat mencetuskan buah fikiran. Oleh itu, objektif penelitian terhadap *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* ini adalah untuk mentafsir dan menghuraikan peristiwa yang dilalui penyair tentang kehidupan sepanjang edaran masa yang terakam dalam bentuk bait-bait karangan sajaknya. Ini bersesuaian dengan tanggapan umum bahawa sesebuah karya sastera itu merupakan kehidupan atau peristiwa.

### **SOROTAN LITERATUR RINGKAS**

*Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* karya Morsidi M.H. ini baru diterbitkan. Sungguh pun begitu, perbincangan tentang buku ini pernah diadakan di Dewan Syarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Sebagai penerbit dan hasil kerjasama Asterawani (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani), Ampuan Haji Brahim Bin Ampuan Haji Tengah<sup>2</sup> diundang bagi membincangkan buku ini dalam *Bicara Sastera Brunei* pada tahun 2021, dengan kertas kerjanya bertajuk “Sungai, Laut, dan Kita: Membuka interpretasi dan nafas seni”. Perbincangan tersebut memberikan ruang bagi mereka yang ingin melakukan pentafsiran terhadap sajak-sajak yang terkandung dalam buku ini. Bersandarkan teori hermeneutika dan pendekatan seni sastera Islam, perbincangan tersebut membolehkan pembaca memberikan contoh perbezaan interpretasi daripada beberapa orang responden secara rambang yang dilakukan pembicara. Selain ini,

terdapat juga beberapa pandangan dan komen daripada pihak panel penilai Penerima Penulis Asia Tenggara 2021 tentang *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* tetapi tidak tersiar. Situasi ini turut dijadikan justifikasi untuk melakukan penelitian.

## METODOLOGI PENELITIAN

Karya sastera harus ada teks. Teks dalam apa-apa genre amat penting sebagai representasi jiwa penyair. Karya sajak juga tidak terkecuali. Kepadatan bahasa dalam membina dan menghasilkan sajak menguji pengetahuan sedia ada pembaca. Mereka yang memiliki keintelektualan dan minat (*passion*) terhadap karya sajak amat beruntung. Membaca secara sepintas lalu bukan kaedah seseorang yang memiliki keintelektualan. Kayu ukurnya perlu ada untuk memahami sesebuah sajak yang direpresentasi oleh bahasa dengan simpulan yang padat pada setiap bait. Sesebuah sajak itu memerlukan pembacaan secara terperinci sekalipun berulang-ulang untuk mendapatkan makna atau pengertian yang tepat sesuai dengan bahasa yang digunakan dalam konteks petikan berkenaan. Bacaan terperinci atau *close reading* (*close analysis*) sehingga kini masih relevan dalam meneliti karya sastera, *Close reading remains a fundamental critical method practiced in diverse ways by a wide range of readers in different disciplines*<sup>3</sup>. Sekalipun suatu ketika pernah diperlekeh namun “...it is undoubtedly true that nothing of any interest can happen in this subject without close reading”<sup>4</sup>. Kepadatan dan bahasa kiasan serta perlambangan dalam sajak memerlukan kaedah seperti tanggapan gerakan sastera *new criticism* memanfaatkan pembacaan terperinci dalam melakukan analisis karya sastera:

*new criticism . . . focuses on phenomena such as multiple meaning, paradox, irony, word play, puns, or rhetorical figures, which--as the smallest distinguishable elements of a literary work--form interdependent links with the overall context. A central term often used synonymously with new criticism is close reading. It denotes the meticulous analysis of these elementary features, which mirror larger structures of a text.*<sup>5</sup>

*Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* memerlukan kaedah berkenaan. Hal ini demikian kerana, penyair ini merupakan seorang sarjana sastera yang memiliki kepakaran dalam bidang puisi serta kritikan dan teori

sastera. Latar belakang penyair ini mendukung dan membawa pengaruh dalam karyanya. Oleh itu, setiap kata dalam sajak yang terkandung dalam buku ini mengheret pembaca membuat penelitiannya secara terperinci.

Kemudian, segala peristiwa yang terakam mengikut edaran atau putaran masa dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* ini tidak cukup hanya dengan melakukan pembacaan terperinci. Sajak yang terkandung dalam buku ini merupakan ekspresi penyair tentang suka dan duka, resah dan gelisah, keluh dan kesah, fikiran, pandangan dan sebagainya yang mengusik dan memberi impak pada jiwanya sehingga tercetusnya karya dalam bentuk sajak. Bagi memahami ekspresi penyair, peneliti harus mengambil pendekatan ekspresif untuk mendalami karya penyair. Pendekatan ekspresif berpusat pada penyair tetapi tidak bermakna teks karya tersebut ditinggalkan atau diketepikan.<sup>6</sup> Teks atau karya akan menghubungkan penyair. "It defines poetry as an expression, or overflow, or utterance of feeling, or as the products of poet's feelings".<sup>7</sup> Tiga konsep utama, iaitu imaginasi, genius dan emosi menyerlahkan keperibadian penyair dalam menyampaikan sesuatu isu dalam karya sastera malah pendekatan ekspresi ini boleh diertikan secara luas sebagai:

*an expression of any kind of conscious experience – intellectual, emotional, or imaginative – that artist has or may have nature, himself (self-consciousness) or other human beings; and/or conscious or unconscious influence that his physical or human environment may have on him.*<sup>8</sup>

Bersesuaian dengan penjelasan Hashim (1985), pendekatan ini melihat karya sastera sebagai alat bagi pengarang menyatakan perasaan dan fikirannya. Oleh yang demikian, beliau menambah terdapatnya unsur-unsur kejujuran dan keaslian pengarang untuk menggambarkan perasaan dan fikirannya melalui karyanya (Hashim, 1985:82).

Hal ini terkandung dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita*. Ekspresi penyair dalam makna yang luas dapat dijejaki melalui kata-kata dalam setiap bait sajak. Gabungan dua aspek ini menghasilkan interpretasi tertentu mengenai diri penyair tentang kehidupan yang selama ini dilalui mengikut peredaran masa. Akhirnya, sajak-sajak yang terhasil menggambarkan suatu kesedaran dalam diri penyair dan dikongsikan bersama-sama dengan pembaca untuk dijadikan bahan fikir dan merasakan asam garam kehidupan itu.

## ANALISIS DAN DAPATAN

Sajak awal yang dipaparkan dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* ini ialah “Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok”. Sajak ini memberi tuah kepada penyair kerana menerima hadiah kedua dalam Peraduan Mengarang Sajak anjuran Badan Bahasa dan Persuratan, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Brunei. Maktab tersebut merupakan salah sebuah institusi tertinggi di Brunei pada masa tersebut dan anugerah ini dianggap sebagai satu pencapaian yang baik dalam dunia penulisan penyair. Pastinya, pencapaian ini merupakan dorongan atau suntikan kepada penyair untuk terus berkarya. Peristiwa yang terkandung dalam sajak ini merupakan titik awal perjalanan hidup penyair dalam kerjaya khususnya. Ketika itu penyair sebagai generasi yang baru mengorak langkah untuk menempuh masa depan yang belum jelas. Masa hadapan digambarkan melalui dialog seorang tua dalam sajak ini:

### **Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok**

ketika orang tua itu merenung wajah cucunya  
dan cucunya diam membisu  
lalu dia berkata:  
bagaimana kau akan menghadapi masa depanmu,  
cucuku?  
Hidup untuk hari esok akan lebih keras.  
(Rangkap 1, hlm. 2)

Petikan sajak di atas mempertemukan watak imaginasi orang tua yang banyak menyimpan memori tentang perjalanan kehidupan. Orang tua ini sangsi terhadap masa depan cucunya yang dilambangkan sebagai generasi muda. Lalu, orang tua ini mengkhabarkan kepada mereka bahawa masa depan itu bukannya mudah seperti yang terkandung dalam petikan sajak. Semua orang menuju masa depan yang harus ditempuh. Bagi seorang tua yang telah melalui peredaran masa, tentunya beliau telah mengalami sebuah perjalanan yang panjang baik dalam situasi suka mahupun duka. Hal yang sama akan berlaku kepada generasi seterusnya. Pengalaman orang tua tersebut wajar disampaikan dalam bentuk pesanan yang bersifat amaran atau peringatan kerana selama ini kehidupan yang dilaluinya dinilai sebagai satu perjalanan kehidupan yang penuh dengan liku. Medium penyampaian penyair bagi sajak ini terbina dalam bentuk puitis melalui kreativiti beliau



dalam usaha menyampaikan nasihat secara tidak langsung. Dilema tentang masa depan ini merupakan ekspresi penyair yang perlu dikongsi bersama dengan generasi muda sebagai khalayak yang menuju masa depan. Penyair sukar untuk menggambarkan masa depan itu dan hanya terungkap dalam kata-kata “hidup untuk hari esok akan lebih keras.” Mungkin saja penyair menerima khabar daripada sekelilingnya terutama mereka yang lebih awal menempuh perjalanan kehidupan. Kemudian, penyair merakamkan watak orang tua yang menyerlahkan kebijaksanaan penyair dalam membina imajinasinya dalam karyanya.

Kekerasan hidup pada masa depan berkias mudah dalam bait-bait seterusnya. Laut dilambangkan sebagai sebuah kehidupan dan ombak merupakan dugaan yang berbentuk cabaran dan hambatan sebelum sampai ke bibir pantai. Bagi mereka yang tidak mampu untuk bertahan di tengah laut yang bergelora nescaya akan tenggelam. Sebaliknya, gulungan ombak yang menghempas mereka yang terumbang-ambing di tengah lautan harus ditempuhi untuk terus bernafas dan berusaha untuk menyelamatkan dirinya daripada lemas dan tenggelam. Begitulah diibaratkan mereka yang melalui liku-liku perjalanan hidup yang tidak pernah jatuh atau mengalah, malahan terus maju mengorak langkah dari semasa ke semasa. Ada yang mampu bertahan malah ada yang kecundang ketika menempuh kekerasan hidup.

Liku-liku kehidupan tidak akan berhenti di persada laut. Satu demi satu, detik demi detik kehidupan akan lebih mencabar. Sesampai di tepi pantai bukan penamat dalam perjuangan hidup. Pelbagai cabaran dan hambatan seterusnya sedang menunggu. Gangguan kehidupan di persada dunia ini bukan hanya dalam kalangan manusia tetapi keadaan sekelilingnya. Manusia yang lalai akan terheret sebagai orang yang rugi. Mereka terpengaruh sehingga jauh tercampak dalam rencah kehidupan duniawi yang sukar kembali dan mereka ini diibaratkan seperti binatang monyet yang tidak pernah berhenti untuk mempengaruhi, menghasut, memperdaya individu yang masih belum mengerti tentang kehidupan dan masih tidak pasti tentang masa depan.

### **Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok**

Cucuku,  
 di laut ombak akan menggila  
 kau harus berani merenangnya  
 dan bila ku sampai ke pantai  
**monyet-monyet kan menyambutmu**  
**lalu mengajak berpesta**

dan bila kau pun ikut berpesta  
**maka hanyutlah kau dalam syurga binaan  
monyet-monyet**  
(Rangkap 2, hlm. 2)

Dalam sajak yang lain, penyair menjelaskan tentang erti kehidupan. Dalam sajak “Kehidupan Ini” (hlm. 36) kehidupan bukan hanya berpijak di dunia dan meraih keuntungan serta kesenangan kerana ini semua merupakan gejala kelalaian yang melupakan tentang kehidupan di akhirat nanti. Untuk menuju akhirat pula semua ciptaan Allah SWT, terutamanya manusia, akan mati terlebih dahulu,

### **Kehidupan Ini**

...

Dan kehidupan bukan hanya duniawi  
Bahkan juga ukhrawi  
Untuk bahagia di dunia dan bahagia di akhirat  
(Rangkap 1, hlm. 36)

Bagi mereka yang terpengaruh dengan ajakan “monyet-monyet” akan “menyambutmu lalu mengajakmu berpesta” nescaya mereka ini dalam kerugian besar. Semua yang dibayangkan, dijanjikan dan jaminan dari “monyet-monyet” ini hanya suatu dongengan hidup di atas persada dunia yang hanya bersifat sementara dan akan membawa kesukaran, kesusahan dan penderitaan hidup malah akan membawa keseksaan selepas dunia yang bersifat sementara ini hancur lebur, seperti yang dinyatakan dalam petikan rangkap 1, hlm. 36.

Sekalipun masa depan itu belum jelas bagi penyair, tidak ada pilihan lain melainkan untuk melaluinya kerana masa itu akan tetap beredar. Oleh itu, bagi penyair, untuk menempuh masa depan yang belum pasti, mahu tidak mahu setiap individu wajib untuk membuat persediaan. Setiap individu harus memiliki kecekalan seperti petikan bait pesanan orang tua;

### **Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok**

Cucuku,  
dalam hidup ini  
kau harus memiliki

sebutir mutiara hikmah  
 sekeping hati yang cekal  
 (Rangkap 3, hlm. 2)

Namun, kecekanan itu seharusnya bersesuaian dengan akidah<sup>9</sup> dan ajaran Islam<sup>10</sup>. Seseorang Islam itu perlu mempunyai sandaran hidup yang teguh pada ajaran dan pedoman agama. Islam ialah jalan yang terbaik dan menjamin kehidupan dunia menuju ke akhirat nanti. Sekalipun cabaran dan hambatan itu dikatakan keras, namun semua ini ialah ciptaan dan aturan Yang Maha Bijaksana. Kecekanan dalam diri setiap individu harus berbentengkan akidah pada Yang Maha Esa dan ajaran Islam yang dibawa oleh rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW, yang tetap berdiri teguh. Mesej ini merupakan kandungan bait terakhir dalam sajak “Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok”,

...  
 keimanan yang teguh dan kukuh  
 untuk menghadapi monyet-monyet  
 dan untuk mengharungi ranjau kehidupan.  
 (Rangkap 3, hlm. 3)

Ekspresi penyair dalam sajak di atas bukan sahaja untuk dirinya. Memang pada dasarnya penyair ragu-ragu tentang masa hadapan. Tambahan pula, penyair menghasilkan sajak ini sewaktu masih berada di Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih pada tahun 1977 dan akan melangkah ke satu dunia baru, iaitu alam pekerjaan sebagai guru pada tahun 1978. Perkara yang sama berlaku dan akan berlaku kepada mereka yang menempuh situasi yang sama. Ekspresi penyair tentang masa depan ini diadun dalam bentuk dialog dengan khalayak bagi menitipkan pesan untuk sama-sama dirasakan, difikirkan, bersiap-siaga dan bertindak untuk melangkah ke masa depan. Pastinya masa depan itu bukannya mudah dan mahu tidak mahu semua orang akan menempuh liku-liku kehidupan yang berbagai-bagai bentuk. Namun begitu, tidak ada jalan lain yang lebih sempurna dan berkesan untuk menangani kebimbangan, keraguan, ketakutan dan segala perasaan yang menghantui itu melainkan dengan berpegang kepada pedoman agama Islam.

Dalam sajak “Di antara Manusia” yang terhasil pada tahun 1996, sekali lagi penyair memperkatakan tentang sifat dalam kalangan manusia. Pelbagai ragam sifat manusia termasuklah yang menurut nafsu yang bukan

daripada pertimbangan akal dan keimanan malah bertopengkan syaitan. Golongan ini hanya tampak baik pada pandangan deria mata sahaja.

### **Di antara Manusia**

Di antara manusia  
adalah siput  
atau kerang  
yang nampak kulitnya sahaja.  
(Rangkap 1, hlm. 4)

Manusia yang hanya kelihatan elok dari luaran dilambangkan sebagai siput atau kerang. Sebelumnya dalam sajak “Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok” manusia sebegini dilambangkan sebagai “monyet-monyet”. Selain manusia yang elok pada rupa sahaja, terdapat juga manusia yang menganggap seolah-olah dirinya sempurna dan sering memperbetul tingkah laku atau keperibadian orang lain. Dalam bait-bait sajak “Di antara manusia”, sifat sebegini dianggap mementingkan diri dan dikiaskan dalam peribahasa “seperti ketam mengajar anak-anaknya supaya berjalan lurus”,

Di antara manusia  
adalah seperti ketam  
mengajar anak-anaknya  
supaya berjalan lurus  
(Rangkap 2, hlm. 4)

Walau bagaimanapun, tidak semua manusia bersifat sedemikian rupa. Penyair mengimbangi tingkah laku manusia. Ada manusia yang tahu menilai mana yang baik dan mana yang buruk atau kewajaran sebagai manusia. Sebagai contoh, penyair menampilkan manusia yang menumpahkan segala kebaikan malah ada yang berkorban demi kemanusiaan. Perbuatan atau sifat ini diibaratkan penyair dalam bait-bait seterusnya dalam sajak ini seperti lilin.

Di antara manusia  
mahu seperti lilin  
menerangi kegelapan.  
(Rangkap 3, hlm. 4)

Pengorbanan seperti lilin ini datangnya daripada tindakan hati yang jernih. Kejujuran dan rasa tanggungjawab menjadi tunggak yang mendasari tindakan sedemikian. Jika sebaliknya, perbuatan tersebut menjadi sia-sia. Niat harus ditetapkan dengan betul serta dijaga nilai kesuciannya, dan tidak rapuh dengan hasutan suara-suara syaitan yang menyesatkan dibantu manusia yang bertopengkan kebaikan, walhal hatinya busuk.

Maka keindahan ada kalanya hanya mimpi-mimpi  
 Manusia  
 Kerana ditentukan oleh kepura-puraan  
 Tiada jujur dalam permainan kata  
 Dan ketinggian budi hanya mengabui mata.  
 (Rangkap 6, hlm. 5)

Bait-bait dalam rangkap di atas memperlihatkan adanya unsur kepura-puraan manusia. Kepura-puraan ini terutamanya berlaku kepada mereka yang memiliki sifat menunjuk-nunjuk, bangga, sombong dan khianat. Hubung kait sifat luaran yang elok dilambangkan oleh siput dan kerang, sama seperti lilin menerangi kegelapan namun mempunyai agenda yang tersembunyi.

Oleh yang demikian, penyair memberikan peringatan berdasarkan pengalaman hidup yang dilalui dan kebenaran pesanan orang tua dalam sajak sebelumnya. Kehidupan ini menemukan manusia yang beraneka ragam dan meminta untuk kita untuk memilih kehidupan seperti yang ingin dinikmati. Adakah nikmat tersebut untukkepuasan diri sendiri atau orang lain? Adakah hati yang putih seperti salju? Atau semua jadi racun dalam madu? Setiap pilihan hidup pasti membawa kesan dan ini yang digambarkan dalam bait-bait sajak yang berikut:

Meranalah siapa yang terasa dimainkan  
 Ketawalah siapa yang terasa kemenangan  
 ...  
 (Rangkap 5, hlm.4)

Hakikatnya, penyair memberikan gambaran ekspresi pengalaman hidupnya bertemu dengan pelbagai keperibadian manusia. Gambaran yang diselimuti gaya bahasa kiasan dan perlambangan merujuk sifat manusia yang dilambangkan dengan binatang, siput, kerang, ketam dan ada yang berbentuk benda seperti lilin. Pada masa yang sama, penyair

membuat kiasan rupa bentuk atau susuk badan manusia dengan sikap atau tindakannya dengan ungkapan peribahasa.

Hal ini merupakan hakikat penyair melihat dengan penuh perhatian segala peristiwa yang berlaku. Istimewanya, penyair mampu menyampaikannya dalam binaan karya sajak. Sajak ini hampir dua dekad jaraknya dengan sajak pertama dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita*. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa inilah masa depan buat diri penyair dalam diari perjalanan hidupnya yang sebelumnya dipesan oleh orang tua yang terlebih dahulu mengalami dan berkesinambungan secara kitaran. Oleh itu, perkara ini tidak jauh berbeza dengan yang berlaku kepada khalayak.

Berhubung kait dengan orang tua yang memberi pesan dalam sajak awal dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita*, iaitu dalam bahagian Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup ini, terdapat sebuah sajak tentang ibu, iaitu “Duka yang Terhimpun (Buat Ibu yang Penyabar)”. Raut wajah yang digambarkan dalam sajak ini merupakan ekspresi penyair tentang ibunya yang cukup lama menempuh perjalanan kehidupan ini. Terlihat suka duka, pahit dan manis, keluh kesah, gelisah dan aneka ragam isi kehidupan terpikul di bahu seorang ibu. Sungguhpun sajak ini tidak menyuarakan dialog pesanan seperti sajak sebelum ini, namun dialog pesanan tersebut terungkap dalam bentuk tekstur wajah seorang ibu sudah memadai memberitakan bahawa hidup ini bukannya mudah.

### **Duka Yang Terhimpun (Buat Ibu Yang Penyabar)**

...

Dan hasil dari duka yang terhimpun itu  
Anak-anakmu sampai ke puncak  
Ibarat perjalanan panjang ke puncak gunung  
Atau ke dasar laut  
Memerlukan pengorbanan.  
(Rangkap 3, hlm. 6)

Bait “... dan hasil dari duka yang berhimpun itu” pada petikan rangkap sajak di atas, memperlihatkan sebuah representasi kecekalan. Tidak ada alasan dan halangan yang melentur dan melunturkan perjuangan seorang ibu yang sudah tua. Frasa “duka yang terhimpun” merupakan ekspresi penyair betapa berat beban seorang ibu dengan cabaran dan hambatan yang tidak pernah berhenti untuk meruntuhkan kecekalannya. Namun begitu, semua itu tidak sedikit pun menggugat keteguhan, kekentalan, semangat

dan tanggungjawab yang harus ditunaikannya. Nescaya, segala beban yang terpikul di bahu seorang ibu lambat laun menuju kemenangan. Kegelapan akan menerima sinar suria dan meninggalkan masa yang berlalu. Begitulah seorang ibu yang diungguli dan dikagumi oleh penyair,

Ibu,  
Sebenarnya aku kagum  
Melihat tenang dan jernihnya wajahmu  
Bagaikan air putih dalam gelas  
Walaupun duka terhimpun di dadamu

Ketika aku masih kecil mentah  
Dalam pengalaman hidup  
Kepayahan dan kesusahan ketika itu  
Kuterima  
Bagaikan tidak ada apa-apa  
(Rangkap 1 & 2, hlm. 6)

Hakikatnya, kesukaran hidup yang ditempuhi seorang ibu yang dihadapinya dengan sabar, tabah dan pasrah. Kekuatan ini yang membuat kehidupan itu tidak terasa kesukarannya kerana ada “sekeping mutiara hikmat”. Sekeping mutiara hikmat yang disebut dalam bait sajak terdahulu ialah tentang kececalan, “sekeping hati yang cecal”. Tanpa memiliki kececalan ini, hidup akan lebih huru--hara. Natiujahnya, dengan usaha, doa dan tawakal sebagai unsur kececalan itu seorang ibu berhasil mengangkat anak-anaknya di persada kejayaan.

...  
Dan hasil dari duka yang terhimpun itu  
Anak-anakmu sampai ke puncak  
Ibarat perjalanan panjang ke puncak gunung  
Atau ke dasar laut  
Memerlukan pengorbanan.

(Rangkap 3, hlm. 6)

Bait “... dan hasil dari duka yang berhimpun itu” pada petikan rangkap sajak di atas, memperlihatkan perlambangan tentang kececalan. Tidak ada alasan dan halangan yang melunturkan perjuangan seorang ibu yang sudah tua. Frasa “duka yang terhimpun” merupakan ekspresi penyair tentang betapa beratnya beban seorang ibu dengan cabaran dan hambatan yang

tidak pernah berhenti untuk meruntuhkan kecekalannya. Namun begitu, semua itu tidak sedikit pun menggugat keteguhan, kekentalan, semangat dan tanggungjawab yang harus ditunaikannya. Nescaya, segala beban yang terpikul di bahu seorang ibu lambat laun menuju kemenangan.

...  
Kerana duka yang terhimpun  
Sudah semakin hilang.  
(Rangkap 4, hlm. 7)

Kerisauan, kebimbangan, dan ketidakpastian masa depan itu terjawab dalam himpunan kehidupan seorang ibu. Peristiwa yang dialami seorang ibu ini menjadi pesan kepada penyair, malah untuk khalayak, kerana sesukar mana pun kehidupan itu pasti akan menemukan kesenangan. Sifat putus asa harus dihindari kerana kehidupan itu memang penjang perjalanannya dan setiap masa akan diisi dengan peristiwa. Kebijaksanaan dan emosi yang tergarap dalam diri penyair dinyatakan dalam sajaknya. Penyair yakin tentang solusi yang sentiasa ada dalam perjalanan hidup yang kurang bernasib baik.

Perjalanan hidup ini seiring dengan masa atau musim. Kitaran musim akan terus-menerus bergerak ke masa depan. Fitrahnya tetap sedemikian tetapi persoalannya haruskah manusia itu menanti musim itu berubah atau berlalu. Ini merupakan kekosongan dalam kehidupan yang menjalani masa yang tetap bergerak dan berlalu. Kekosongan ini yang membawa manusia lalai dan tidak sedar bahawa masa yang berlalu tidak akan kembali dan ditinggalkan dengan sia-sia. Kekosongan yang dimaksudkan ialah kelalaian tentang kehidupan duniawi yang fana ini. Masa yang berlalu mengheret usia manusia untuk bertambah dari tahun ke tahun dan dikurniakan usia panjang. Dunia yang fana ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam menyedari tentang musim yang silih berganti. Inilah yang diungkapkan penyair tentang masa. Bagi penyair, peristiwa dan masa berhubung kait antara satu sama lain dan hanya tinggal manusia yang perlu memilih untuk mengisi masa tersebut dengan peristiwa tertentu sebagai laluan atau perjalanan hidup.

### “Musim”

Kitakah yang menanti musim berganti?  
Atau musim bertukar tanpa kita sedari?



Dan senja mendatang  
 Kemudian menutup pandangan  
 meninggalkan sisa-sisa waktu  
 Tanpa parmitan  
 Dari usia kita semakin lanjut  
 Tapi terpukau  
 Lena  
 Dalam nafas alpa  
 Nafsu merajai hati  
 Kepalsuan dalam diri  
 Ditanam dalam diri  
 Di taman duniawi  
 Hanyut dalam bayangan  
 Yang memukau

Masihkah kita menanti musim berganti?

...

(Rangkap 1 & 2, hlm. 8)

Petikan sajak di atas, menemukan kembali pada sajak-sajak yang terdahulu dalam Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita. Bait dari "... tapi terpukau" sehingga akhir rangkap di atas mengingatkan tentang "monyet-monyet" dalam sajak "Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok" yang pada awalnya merupakan pesanan dan bayangan masa depan dalam bentuk amaran juga. Kini hakikatnya, jika manusia terpesona dan terpengaruh dengan "monyet-monyet" yang dimaksudkan dalam sajak tersebut, ternyata manusia akan lupa dan hilang pertimbangan fikiran yang bijak sehingga nafsu mendahului tindakan. Sajak "Di Antara Manusia" juga turut menegaskan tentang keasyikan duniawi berkaitan dengan hal kepura-puraan yang memesongkan hala tuju sebenar kehidupan manusia.

Segala peristiwa yang terjadi atas tindakan yang sia-sia akan dihitung pada kemudian hari, iaitu di alam baqa. Dunia ini hanya sementara dan sebagai pentas lakonan manusia. Namun begitu, perbuatan yang baik dan jahat akan dihitung dengan tuntutan pada masa kehidupan yang sudah berlalu. Penyair mengingatkan bahawa masa tidak akan menunggu kita berdasarkan pemerhatian penyair tentang duniawi. Kehidupan sebenar ialah di akhirat. Dalam perjalanan menuju ke akhirat itu, manusia harus melalui kematian atau alam baqa dan seterusnya dibangkitkan untuk berhimpun di padang yang maha luas, Padang Mahsyar, untuk pengadilan sebenar dilaksanakan. Rugilah mereka yang kosong dalam mengisi

masa kehidupannya tanpa ada kebaikan. Rugilah juga bagi mereka yang melakukan kejahatan semasa di dunia sebagai pentas untuk beraksi.

...  
sedang saat perhitungan  
tidak disedari  
ketika padang saujana luas  
menanti untuk perkiraan hakiki  
ganjaran di alam fana  
untuk perhitungan di alam baqa  
pengadilan sejati  
dengan kebesaran Yang Maha Agung  
Allah Rabbulizzati.  
(Rangkap 3, hlm 8-9)

“Selagi Jantung Masih Berdenyut” menjelaskan pengisian masa yang sebenar dalam kehidupan. Penyair sebagai individu Muslim melihat dan menyedari masa itu milik Allah SWT dan ada perintah khusus untuk makhluknya bernama manusia. Masa sering kali dianggap hanya suatu keadaan pertukaran antara siang dan malam. Tanggapan bahawa pengisian hidup adalah untuk mencari keperluan hidup semata-mata. Adalah salah dan penyair membawa pergerakan masa itu dengan panggilan menunaikan kewajiban menemui Allah SWT melalui solat lima waktu.

Salah satu perkara yang membawa seorang Muslim ke arah kehidupan yang sempurna dan bahagia adalah menunaikan sembahyang. Sembahyang merupakan tiang agama. Barang siapa yang mengerjakannya bererti ia telah menegakkan agamanya dan barang siapa yang meninggalkannya bererti ia telah merobohkan agamanya, oleh itu kita umat islam wajib mengerjakannya. Rasulullah SAW ada mengingatkan kepada kita bahawa sembahyang merupakan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah SWT pada hari akhirat kelak, seperti sabda Rasulullah SAW yang maksudnya:

Dari Abu Hurairah Radiallahu Anhu katanya, Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya persoalan pertama yang akan ditanya dipertanggungjawabkan keatas manusia adalah sembahyangnya. Jika sembahyangnya baik, maka dia termasuk orang yang beruntung dan berjaya. Namun jika sembahyangnya rosak, maka dia termasuk orang yang kecewa dan rugi. (Riwayat Al-Imam An-Nasaie).<sup>11</sup>

Dalam satu hari ditentukan masa untuk melakukan solat lima waktu bagi mengingatkan Tuhan yang menjadikan sekalian makhluk dan alam. Kelalaian dengan pesta duniawi menjadikan manusia terlupa tentang kewajipan solat lima waktu ini dan masa yang ditentukan itu akan berlalu dan tidak akan berulang. Masa yang berlalu akan dituntut dan dihitung. Oleh sebab itu, sebagai manusia yang bernyawa dan menjalani kehidupan, tidak kira sihat dan sakit, berdiri, duduk dan berbaring serta sehingga tinggal kemampuan hati, namun solat tetap dituntut.

### **Selagi Jantung Masih Berdenyut**

...

Setiap subuh menjelang  
 Sepi dan syahdu yang bening  
 Meruntun hati, menilai diri  
 Kemudian suara azan bergema  
 Seruan untuk insan  
 Sujud kepada-Nya  
 Sebagai Maha Pencipta.  
 (Rangkap 2, hlm. 10)

Bermula dengan waktu Subuh sebelum memulakan pekerjaan, manusia perlu berhadapan dengan Allah SWT untuk mensyukuri “Sujud kepada-Nya” atas nafas nyawa yang diberikan untuk meneruskan perjalanan hidup. Maha Rahmat dan Rahim-Nya masih memberikan kesempatan hidup seterusnya. Wajib manusia itu berterima kasih, “mensyukuri yang diberi-Nya”.

...

Kau harus sedar  
 itulah suara mengagungkan yang maha besar  
 supaya kita sujud kepada-nya  
 mensyukuri yang diberinya.  
 (Rangkap 4, hlm 10)

Kemudian, masa bergerak menuju waktu solat zuhur. Dalam kesibukan aktiviti kehidupan, apabila matahari di tengah teriknya, manusia berhenti melakukan segala perkerjaan. Azan mula berkumandang menandakan waktu zuhur untuk segera dilakukan. “Dan azan Zuhur bergema”, bukan bermaksud masa untuk berehat berhidang menjamu makanan tengah hari,

Tinggalkanlah sementara pekerjaan masing-masing kerana waktu atau masa itu wajib diisi dengan mendirikan tiang agama Islam, solat wajib lima waktu. Selesai solat zuhur masing-masing boleh menyambung pekerjaan.

Matahari beredar lagi  
zuhur berlalu asar menjelang  
kewajipan memanggilmu  
sujudlah penuh takwa  
amalanmu akan dikira.  
(Rangkap 7, hlm.11)

Tidak lama kemudian, waktu solat asar. Sebelum pulang ke rumah masing-masing daripada pekerjaan, manusia diseru lagi untuk mengisi masa kehidupan dengan solat asar. Solat asar ditunaikan bukan penanda waktu untuk rehat dengan minum petang. Sebelum waktu siang berlalu, tiba pula seruan solat maghrib. Waktunya ditandakan oleh waktu senja.

...  
setiap senja mula berlabuh  
maghrib mendatang  
suara Allahuakhbar bergema  
kewajipan solat sudah tiba  
sujudlah kau  
sujudlah  
penuh khusuk dan tawaduk.  
(Rangkap 8, hlm. 11)

Sebelum berehat tidur pada waktu malam, sekali lagi adanya kewajipan solat isyak. Waktu ini menandakan manusia mensyukuri kehidupan yang sedang dilalui dan masa akan berganti, hari esok merupakan hari baharu. Waktu-waktu ini khusus ditentukan dan tidak ada suatu pun yang menghalang dan meniadakannya sehingga hari kaimat.

...  
maghrib bertukar  
kegelapan mendatang  
malam,  
waktu isyak azan bergema  
...

sujudlah  
 selagi jantung masih berdenyut  
 dunia belum kiamat.  
 (Rangkap 9, hlm. 12)

Asas Fardu Ain dalam menunaikan solat lima waktu ini perlu ditepati waktunya. Tidak ada kemungkaran malah dianjurkan berjemaah untuk melakukannya. Kehidupan bagi umat manusia perlu berpegang teguh kepada Yang Maha Pencipta dalam melaksanakan kehendak-Nya untuk beramal ibadat sebagai tuntutan setiap diri umat Islam. Namun begitu, kelalaian dunia kadang-kala membutuhkan mata dan hati mereka yang tidak memiliki benteng yang kuat. “Monyet-monyet” berjaya mempesonakan mereka sehingga terpedaya meninggalkan waktu-waktu yang ditentukan selama hayat dikandung badan. Hidup dengan kepura-puraan juga tidak ada gunanya, sekali pun melakukan kewajibannya tetapi tidak ikhlas dan bukan kerana ketakwaannya. Kehidupan sebegini hanya terapung-apung di antara langit dan bumi.

Kepentingan beribadah menunaikan solat ini disusuli dengan sajak lain dalam Sajak “Ketika Sujud” berkongsi nikmat yang dirasakan penyair, iaitu nikmat yang mungkin sukar untuk digambarkan atau diekspresikan. Namun begitu, penyair cuba untuk berkongsi kenikmatan solat tersebut.

### **Ketika Sujud**

Bagaikan air di tasik  
 tenang  
 damai

bagaikan sepi lautan  
 damai  
 hening

bagaikan angin  
 lembut  
 nyaman  
 (Rangkap 1, 2 & 3, hlm. 16)

Ekspresi penyair tentang nikmat solat ketika berhadapan dengan Allah SWT diibaratkan dengan suasana di sebuah tasik yang tenang tanpa sebarang gangguan sekalipun kocakan air. Kemudian, dibawa pula gambaran lautan

yang damai tidak ada gulungan ombak di tengah semudera berserta deruan angin yang bertiup lembut dan tidak mengganas. Tanpa imaginasi, kebijaksanaan dan emosi tidak memungkinkan penyair menghasilkan sajak ini dalam menggambarkan nikmat melunaskan solat sebagai tiang agama. Inilah cerita atau peristiwa tentang solat sebagai ekspresi seorang penyair.

Sesuatu yang menarik tentang sajak-sajak karya Morsidi M.H. ini ialah unsur pengulangan dari sebuah sajak ke sebuah sajak yang lain. Unsur ini mengukuhkan lagi kefahaman khalayak agar lebih jelas tentang sajak tersebut dengan penyampaian yang berulang-ulang atau silang sajak. Sebagai contoh, perihal kepura-puraan. Dalam sajak-sajak yang terdahulu juga menggambarkan tentang sifat kepura-puraan ini dengan menghasilkan sajak “Kepura-puraan”.

### **Kepura-puraan**

Apalah ada pada sebuah senyum  
manisnya tidak seindah yang terukir di bibir  
seperti yang tersirat di hati.

Apalah ada pada sebuah tangisan  
kesedihan yang tergambar  
adakah seperti yang tersirat di dasar hati.  
(Rangkap 1 & 2, hlm. 17)

Dalam rangkap sajak di atas, amat rapat kaitannya dengan sajak “Di antara Manusia”. Manusia sukar untuk dijangkakan seperti dalam ungkapan Melayu yang dinyatakan, “Banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam”. Oleh sebab itu, manusia diingatkan supaya berhati-hati dalam bersosialisasi ketika menjalani kehidupan masing-masing. Pernyataan ini boleh dianggap sebagai pencerahan maksud tentang kiasan penyair dalam rangkap di bawah:

### **Di Antara Manusia**

Di antara manusia  
adalah siput  
atau kerang  
yang nampak kulitnya sahaja.  
(Rangkap 1, hlm. 4)

Manusia seperti ini harus dielakkan. Begitu Rangkap ini juga merupakan peringatan kepada diri sendiri agar mengelakkan perangai yang suka berpura-pura, kerana tindakan penipuan terhadap semua orang hanya sekadar mendapat ganjaran di dunia yang tidak menjamin apa-apa apabila berada di alam baqa. Sikap berpura-pura ini juga menghilangkan sikap jujur, amanah, ikhlas, dan kebenaran. Kesucian jiwa akan tercemar. Hal ini meleraikan ikatan perpaduan sesama manusia. Perkara ini diperkatakan dalam sajak “Perpaduan” tentang dunia kini yang kacau bilau akibat kepura-puraan.

### **Perpaduan**

Di manakah titik pertemuannya?  
 Sebagai Muslim sejti  
 dalam perpaduan  
 menjauhkan diri dari perbalahan  
 dari sengketa dunia  
 dan godaan yang mengalpakkan:  
 kemungkaran  
 permusushan  
 dengki  
 dan munafik.  
 (Rangkap 2, hlm. 13)

Pengulangan penyair tentang perjalanan hidup ini dibina dengan adunan yang berbeza. Akan tetapi, penyair tetap menyentuh tentang sifat masa yang tidak statik atau kaku. Masa akan terus bergerak sehingga suatu masa berlakunya kehancuran dunia, iaitu hari kiamat. “Sebuah Perjalanan” mengandungi peringatan penyair tentang kerugian, perancangan, ketentuan, janji manis, kepura-puraan, hasutan, dan sebagainya. Kesemua ini tersimpul dalam susunan bait-bait seperti yang berikut:

...  
 siang menjanjikan terang  
 tetapi mendung dan kabut awan  
 adalah sesuatu kemungkinan  
 dalam perjalanan siang.  
 Panas matahari tidak selamanya merimaskan  
 bahkan mendung tidak selamanya menjanjikan hujan  
 dan hujan telah mencorakkan variasi siang.  
 (Rangkap 1 & 2, hlm 18)

Begitulah ekspresi penyair tentang kehidupan ini yang penuh misteri. Banyak hal yang mungkin berlaku jauh daripada pengetahuan manusia. Oleh sebab itu, pada awal sajak yang pertama lagi diletakkan isu kecurigaan, kebimbangan, ketidakpastian dan ketakutan tentang masa depan. Apabila penyair melalui kehidupan ini, ternyata dunia ini sukar untuk dijangkakan. Akan tetapi, misteri kehidupan yang dikiaskan penyair sebagai berwarna-warni dalam sajak ini dan keadaan cerah, panas, mendung, hujan dan badai yang melanda akan berterusan setiap masa. Hal ini dapat dilihat dalam sajak “Ketika” (hlm. 32) yang menegaskan tentang keseimbangan situasi seperti suka duka, dan ada yang ketawa dan menangis. Semua ini harus diterima sebagai takdir bahawa kehidupan ini “...sememangnya hidup ini berwarna” (Rangkap 5, hlm. 32). Selain itu, dalam sajak “Perjalanan Hidup” juga disebutkan dalam bentuk kiasan yang bervariasi dan berulang-ulang tentang warna-warni kehidupan,

### **Perjalanan Hidup**

...  
ada subur ada gersang  
ada panas ada hujan  
ada siang ada malam  
pasangan yang muncul bergantian.  
(Rangkap 1, hlm. 33)

Oleh itu, benteng kehidupan harus dimiliki. Tidak ada yang lebih kukuh dan berkesan untuk dijadikan benteng dalam merentas kehidupan ini, melainkan kembali kepada Maha Pencipta. Manusia harus akur tentang kelemahan dan kedaifan sebagai hamba Allah dan menyerahkan segala urusan kehidupan untuk diatur oleh Maha Bijaksana. Oleh sebab itu, usaha yang dilakukan harus diringi dengan tawakal dan berserah kepada-Nya, serta meminta restu sifat Maha Rahman dan Rahim Allah SWT.

### **Benteng Diri**

Sebagai hamba yang dijadikan Allah  
biasakan muhasabah diri  
tentang peranan dan perjalanan hidup.

...



kerana yang penting dalam membangunkan tembok iman  
hingga tidak dapat ditembusi  
oleh apa pun serangan dan godaan ke arah  
kemungkar  
kerana terbinanya benteng kukuh dalam diri adalah  
utap penyelamat.  
(Rangkap 1 & 3, hlm. 20-21)

Inilah yang terkandung dalam pesanan orang tua secara berulang-ulang yang ditemukan dalam sajak ini tentang kecekalan dan akidah serta pedoman agama. Perkara ini dimasukkan dalam perlambangan ombak yang mengganas di lautan, dan tiupan angin kencang yang dipelbagaikan dalam binaan gaya bahasa dalam sajak-sajak berikut:

walau ditiup angina kencang dan badai  
atau dilambung ombak menggunung  
...

### **Sebuah Pesanan tentang Hidup untuk Hari Esok**

Cucuku,  
di laut ombak akan menggila  
kau harus berani merenanginya  
dan bila ku sampai ke pantai  
...  
(Rangkap 2, hlm. 2)

### **Perjalanan Ini**

...  
ibarat mengharungi laut yang tidak selamanya tenang  
ada ketikanya ribut dan badai menggila  
tetapi yang pasti  
kita sebenarnya mengharungi saujana kehidupan ini  
dan di penghujungnya adakah kelam atau terang kita  
lalui,  
(Rangkap 3, hlm. 37)

Hal ini menunjukkan bahawa ketentuan dan aturan hidup itu ialah kuasa Yang Maha Berkehendak. Dunia ini hanya sebagai pentas manusia untuk menjalani hidup yang silih berganti dengan masa yang terus bergerak dan berlalu seperti yang diilhamkan penyair dalam sajak “Sebuah Perjalanan”

(hlm. 18-19), “Musim” (hlm. 8-9), “Hari ini dan esok” (hlm. 24-25), “Perjalanan Hidup” (hlm. 33), “Perjalanan ini” (hlm. 37-38) dan selain itu juga, ada sedikit sebanyak disebutkan dalam sajak “Bahana: Sebuah Perjalanan” (hlm. 30-31). Dalam hal mengisi perjalanan hidup ini yang disusuli oleh peristiwa yang tertentu, seseorang Muslim haruslah kembali kepada keimanan dan pedoman ajaran Islam. Perkara ini dijadikan benteng yang kukuh sebagai penyelamat seperti yang disebutkan penyair dalam sajak. Perkara ini merupakan hakikat dalam menjalani kehidupan di dunia yang fana ini dengan garis panduan agama Islam serta, keimanan yang teguh supaya terjamin masa depan. Oleh itu, dalam bahagian Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup, penyair mengingatkan dari permulaan sehingga akhir sajaknya tentang ajaran Islam yang boleh dijadikan “azimat” dalam meleraikan kekusutan, kesukaran, kepayahan, kebimbangan, ketidakpastian dan segala macam warna-warni kehidupan ini.

## **KESIMPULAN**

Penyair secara jujur berkongsi fikiran dan perasaannya tentang kehidupan yang harus dilalui dengan catatan peristiwa dan masa. Senario pengisian kehidupan pastinya memberikan kesan sepanjang perjalanan kehidupan yang kekal pada penghujungnya. Penyair mampu memberikan gambaran tentang kesamaran kehidupan tentang masa depan yang harus dilaluinya, namun perlu berpandukan pengalaman orang yang lebih awal melewatinya. Benteng diri diperkukuh dengan sandaran keimanannya kepada ajaran Islam sebagai pedoman. Sepanjang perjalanan hidup, penyair mengingatkan pembaca supaya kembali kepada Yang Maha Pencipta baik dalam suka atau duka, dan dalam kesulitan atau kesenangan yang membawa maksud erti kehidupan sebenar. Akhirat dan hari pembelasan itu benar, hal yang tidak terlepas daripada Morsidi M.H pada bait-bait sajaknya. Kesenangan dunia bersifat sementara tidak menjamin kehidupan ke tahap selanjutnya. Oleh itu, penyair sentiasa menggandingkan perjalanan hidup dengan edaran masa yang berterusan dan perlu diisi dengan peristiwa yang dapat menjamin kehidupan di alam barzakh, padang Mahsyar dan di antara syurga dan neraka.

## NOTA

1. Pengiktirafan- Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A. Write Award)”. [http://www.dbp.gov.bn/Pengiktirafan/Pengiktirafan%20%20Anugerah%20Penulis%20Asia%20Tenggara%20\(S.E.A%20Write%20Award\).aspx](http://www.dbp.gov.bn/Pengiktirafan/Pengiktirafan%20%20Anugerah%20Penulis%20Asia%20Tenggara%20(S.E.A%20Write%20Award).aspx)
2. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. Sekarang menjawat Profesor penuh dalam Program Kesusasteraan Melayu, Program Pengajian Melayu, Fakulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
3. Nordquist, R. (2019, 5 Julai). Quotes about close reading. *ThoughtCo*. <https://www.thoughtco.com/what-is-close-reading-1689758>
4. Nordquist, R. (2019, 5 Julai). Quotes about close reading. *ThoughtCo*. <https://www.thoughtco.com/what-is-close-reading-1689758>
5. Nordquist, R. (2019, 5 Julai). Quotes about close reading. *ThoughtCo*. <https://www.thoughtco.com/what-is-close-reading-1689758>
6. Menurut Abrams (1979:28), *historically, there are four orientations dealing with the reading on literary work. The four orientations of reading are mimetic, pragmatic, expressive, and objective. He explains that this progression starts from mimetic theory of Plato, Aristotle's Poetics modification concerning plausibility within plot that generates pragmatic theory, the expressive theory that comes from German and English romantic criticism, and then the last progression is the objective theory that puts the work as itself.*
7. Expressive Theory. (n.d.) <https://www.bachelorandmaster.com/criticaltheories/about-expressive-theory.html#.YnFC0tpBwdU>
8. Khatchadourian, H. (1965). The expression theory of art: A critical evaluation. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 23(3), 335–352. <https://doi.org/10.2307/428180>
9. Lihat *Surah al-Ikhlâs* yang mengandungi 4 ayat sahaja.
10. Firman Allah S.W.T. bermaksud “Dan telah Aku redai Islam sebagai agamamu” (Surah al- Maidah, ayat 3).
11. Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam. (n.d.). Kewajipan sembahyang lima waktu. <http://www.kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/NewDisplayItem.aspx?ID=492&ContentTypeId=0x0100EE34442FD552CC4FAECE608C6A2C143B>.

## RUJUKAN

- Abrams, M.H. (1979). *The mirror and the lamp: Romantic theory and the critical tradition*. Oxford University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. (n.d.) Pengiktirafan-Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A. Write Award). [http://www.dbp.gov.bn/Pengiktirafan/Pengiktirafan%20-%20Anugerah%20Penulis%20Asia%20Tenggara%20\(S.E.A%20Write%20Award\).aspx](http://www.dbp.gov.bn/Pengiktirafan/Pengiktirafan%20-%20Anugerah%20Penulis%20Asia%20Tenggara%20(S.E.A%20Write%20Award).aspx)
- Dr. Haji Morsidi Haji Muhamad. (2010). *Puisi moden Brunei sebelum merdeka (1940-1983): Satu kajian tentang tema, citra, dan perlambangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

- Expressive Theory. (n.d.) <https://www.bachelorandmaster.com/criticaltheories/about-expressive-theory.html#.YnFCOtpBwdU>
- Hashim Awang. (1985). *Teman pelajar kesusasteraan (Cetakan Kedua)*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam. (n.d.) Kewajipan sembahyang lima waktu. <http://www.kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/NewDisplayItem>.
- Khatchadourian, H. (1965). The expression theory of art: A critical evaluation. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 23(3), 335–352. <https://doi.org/10.2307/428180>
- Klarer, Mario. (2004). *An introduction to literary studies* (2nd ed.). Routledge.
- Morsidi M.H. (2021). *Kumpulan sajak sungai, laut dan kita*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Muhammad Abd. Latiff. (1980). *Suatu pengenalan sejarah kesusasteraan Melayu Brunei*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Nordquist, R. (2019, 5 Julai). Quotes about close reading. *ThoughtCo*. <https://www.thoughtco.com/what-is-close-reading-1689758>